

Usah terlalu nasionalis untuk maju

Oleh SHAHRIZAL SANUSI

MELAKA, Rabu Rakyat tidak boleh bersikap terlalu nasionalis sekiranya ingin menimba pengalaman dan kepakaran dari luar, untuk mencapai kemajuan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sikap terlalu nasionalis dan tidak mahu mengakui kepakaran dan pengalaman orang luar, harus dikikis kerana ia akan hanya mendatangkan kerugian pada diri sendiri.

Berucap merasmikan Tapa-Nyai Island Resort, di Pulau Besar dekat sini petang ini, beliau berkata kepakaran dan pengalaman orang luar memang diperlukan, khususnya di peringkat permulaan sesuatu bidang yang baru diceburi.

"Sebab itu di negara ini orang luar selalu dipinjam dalam pelbagai sektor untuk berkongsi pengalaman serta kepakaran dan memberi tunjuk ajar kepada rakyat.

"Hanya setelah menimba pengalaman dan memperolehi kepakaran yang diperlukan, barulah kita boleh melakukannya secara sendiri tanpa bergantung terus kepada orang luar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat su-

dah tentu menemui kegagalan, sekiranya mereka tidak memiliki kepakaran dan pengalaman yang diperlukan bagi menjayakan sesuatu projek itu.

Katanya, rakyat tidak seharusnya merasa irihati terhadap kelebihan yang dimiliki orang luar, sebaliknya mereka harus berusaha memiliki kepakaran yang sama demi manfaat sendiri pada masa akan datang.

Perdana Menteri juga berkata, aspek pengurusan adalah salah satu faktor penting yang perlu diberi perhatian dalam memastikan kejayaan sesebuah projek pelancongan.

Menurutnya, sikap sambil lewa dan hanya mengharapkan orang datang ke tempat-tempat pelancongan tanpa berusaha melakukan sesuatu untuk menarik mereka, tidak akan mendatangkan hasil.

"Sebaliknya, kita perlu berusaha bersungguh-sungguh serta mempunyai modal yang secukupnya, di samping kebolehan sewajarnya untuk mencapai kejayaan yang diinginkan," katanya.

Turut hadir di majlis itu, ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik, menteri Kabinet, Ahli Exco Kerajaan Negeri serta isteri mereka.